

TERMA DAN SYARAT KIRIMAN WANG

1. Perkhidmatan yang diberikan di sini adalah untuk melaksanakan pemindahan dana melalui Pemindahan Telegrafik (TT), Pemindahan RENTAS, Intrabank, GIRO Antara Bank (IBG) dan mengeluarkan Draf Permintaan Asing dan Cek Jurubank (kemudian dari ini mana-mana satu daripada perkhidmatan ini hendaklah disebut sebagai "Perkhidmatan Kiriman Wang").
2. Bank, bagi pihak Pemohon, boleh melantik dan mengarahkan penghubungnya ("correspondent"), ejennya atau subejennya, bank atau perantara pembayaran yang lain, termasuk Payments Network (PAYNET) dan Pertubuhan Telekomunikasi Kewangan antara Bank Seluruh Dunia (SWIFT) (setiap satunya, "perantara pembayaran") dan melalui pusat penjelasan, sistem penjelasan atau penyelesaian bayaran, melaksanakan Perkhidmatan Kiriman Wang berhubung dengan permohonan ini. Bank merujuk kepada CIMB Bank Berhad atau CIMB Islamic Bank Berhad (mengikut mana-mana yang berkenaan), yang merupakan institusi kewangan berlesen yang memberikan Perkhidmatan Kiriman Wang yang disebut dalam borang ini.

3. Pendedahan Maklumat

- 3.1. Pihak Pemohon di sini bersetuju, membenarkan dan memberikuasa kepada Bank untuk mendedahkan apa-apa maklumat berkenaan dengan pihak pemohon, hal-ehwal pihak pemohon, Perkhidmatan Kiriman Wang dan/atau sebarang akaun yang disimpan oleh pihak pemohon dengan Bank untuk:

- ejen, pembekal perkhidmatan, juru audit, kaunsel undang-undang dan/atau penasihat profesional di dalam dan di luar Malaysia;
- entiti-entiti di dalam kumpulan korporat CIMB Group Holdings Berhad, syarikat pemegangan muktamad Bank ("Kumpulan Syarikat") sama ada Kumpulan Syarikat tersebut bermastautin, berada, menjalankan perniagaan, ditubuhkan atau diperbadankan di dalam atau di luar Malaysia;

Untuk memudahkan perniagaan, operasi, penyediaan Perkhidmatan Kiriman Wang, produk kewangan/kemudahan dan pelaksanaan kontrak, perkhidmatan yang diberi atau dibekal oleh Bank dan/atau Kumpulan Syarikat kepada pelanggan mereka, dan juga kepada:

- mana-mana tribunal, mahkamah, agensi atau badan kerajaan atau pihak berkuasa lain yang berkaitan yang mana Bank dikehendaki membuat pendedahan atau mempunyai bidang kuasa ke atas Bank sama ada di dalam atau di luar Malaysia untuk mematuhi sebarang perintah, permintaan, permintaan atau keperluan pelaporan atau untuk tujuan litigasi atau litigasi berpotensi yang melibatkan Bank apabila diperlukan atau diminta untuk berbuat demikian dari semasa ke semasa dan pada bila-bila masa;
- mana-mana syarikat dan/atau perbadanan yang membantu atau memudahkan pemprosesan dan/atau pematuhan transaksi atau arahan yang pihak pemohon telah meminta dan/atau memberi kepada Bank;
- mana-mana penerima pindahan atau penerima hak potensi dengan yang mana Bank sedang berbincang untuk pemindahan, pemberian hak dan novasi hak atau kewajipan di bawah atau melalui rujukan kepada Perkhidmatan Kiriman Wang ini; dan
- pihak ketiga tersebut dan untuk tujuan(-tujuan) seperti yang dikenal pasti dalam Notis Privasi

Kumpulan CIMB di bawah tajuk 'Pendedahan Maklumat Peribadi Anda' dan 'Cara Kami Menggunakan Maklumat Peribadi Anda' masing-masing.

- 3.2 Tambahan pada klausa 3.1 dan tanpa menjejaskan hak-hak lain Bank berkenaan dengan pendedahan maklumat seperti yang terkandung dalam terma dan syarat akaun Pemohon yang dipegang dengan Bank, Pemohon mengakui bahawa Bank mempunyai hak untuk menghantar maklumat yang berkaitan dengan transaksi, dan bersetuju dengan pendedahan butiran Pemohon dan/atau maklumat yang berkaitan dengan transaksi, oleh Bank kepada (i) Bank Benefisiari, (ii) mana-mana perantara pembayaran, (iii) Benefisiari, (iv) kepada Bank Negara Malaysia mengikut Dasar Pertukaran Asing yang dibuat menurut Akta Perkhidmatan Kewangan 2013/Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, dan (v) kepada mana-mana pihak berkuasa atau pihak lain seperti yang dibenarkan di sisi undang-undang.
- 3.3 Pihak pemohon bersetuju bahawa persetujuan yang diberikan di klausa 3.1 dan 3.2 diatas tidak boleh ditarik balik di mana pendedahan maklumat pihak pemohon diperlukan untuk penyediaan Perkhidmatan KirimanWang dan/atau perkhidmatan yang berkaitan atau pelaksanaan kontrak dengan pihak pemohon untuk mematuhi keperluan kontrak atau mematuhi sebarang keperluan undang-undang.
- 3.4 Pendedahan oleh Bank kepada Kumpulan Syarikat (dalam Malaysia) boleh juga untuk jualan silang Bank dan/atau Kumpulan Syarikat tertakluk bahawa pendedahan untuk tujuan jualan silang hendaklah tidak diefektifkan jika pendedahan tersebut dibantah oleh pihak pemohon.

Walau bagaimanapun, pihak pemohon boleh pada bila-bila masa membatalkan atau menarik balik persetujuan yang disebutkan di atas untuk pendedahan maklumat oleh Bank kepada Kumpulan Syarikat (dalam Malaysia) untuk tujuan jualan silang, pemasaran dan promosi dengan menghubungi Bank di nombor telefon atau alamat berikut (yang boleh diubah oleh Bank dari semasa ke semasa melalui notis kepada pihak pemohon): Unit Resolusi Pelanggan (CRU). Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan. Tel: +603 6204 7788 / e-mel: contactus@cimb.com

4. Bank atau mana-mana daripada perantara pembayaran yang dilantik olehnya tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerosakan, gangguan, peninggalan, kesilapan, kelewatan atau salah tafsir data atau butiran kiriman wang apabila diterima melalui kawat, kabel, teleks atau mel, atau melalui apa-apa cara lain, melainkan disebabkan oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengajanya. Bank sebagai bank pemula ("originating bank") akan menjadi titik rujukan antara Pemohon dan Bank Benefisiari. Bank boleh menghantar apa-apa mesej yang berkaitan dengan pemindahan ini dalam kod atau sifer bahasa eksplisit seperti yang ia fikir patut.
5. Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pemohon terhadap apa-apa kerugian yang mungkin ditanggung atau selainnya dialami oleh Pemohon, dengan apa cara pun yang timbul atau diperihalkan dan walau apa pun asas undang-undang bagi liabiliti yang berkaitan dengan pemberian Perkhidmatan Kiriman Wang oleh Bank, melainkan kerugian itu telah disebabkan oleh penipuan, kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja oleh pihak Bank. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian tidak langsung, kerugian turutan atau kehilangan keuntungan, sama ada ia boleh diramalkan atau tidak.
6. Permintaan untuk Pemindahan Telegrafik akan tertakluk pada semua caj yang dikenakan oleh perantara pembayaran ("pass-through charges"). Jika arahan untuk Pemindahan Telegrafik dibuat di kaunter, Pemohon boleh memilih supaya caj itu ditanggung:
- SHA - berdasarkan perkongsian, iaitu caj tempatan hendaklah ditanggung oleh Pemohon dan caj luar negara hendaklah ditanggung oleh Benefisiari; atau
 - OUR - oleh Pemohon

Walau apa pun yang tersebut di atas, perantara pembayaran boleh memilih untuk memotong caj luar negara daripada Amaun Kiriman Wang.

7. Atas permintaan bertulis Pemohon untuk penggantian atau pembatalan Perkhidmatan Kiriman Wang, Bank akan menjalankan usaha yang munasabah untuk menggantikan atau membatalkan Perkhidmatan Kiriman Wang, dengan syarat bahawa Perkhidmatan Kiriman Wang itu belum dilaksanakan, dan tertakluk pada kepatuhan Pemohon kepada syarat-syarat semasa yang dikehendaki oleh Bank. Pembatalan atau pengembalian dana lain mungkin melibatkan penukaran mata wang rizab, dan Pemohon hendaklah menanggung apa-apa jenis kerugian, caj, kos dan perbelanjaan yang berkaitan, akibat daripada penukaran mata wang tersebut.
8. Bank berhak menerima bayaran balik dan/atau mendebitkan dengan segera akaun Pemohon yang dinyatakan dalam Borang Permohonan Kiriman Wang ini, untuk apa-apa perbelanjaan yang ditanggung olehnya sendiri dan penghubung atau ejennya. Semua caj perkhidmatan yang dipungut tidak akan dibayar balik.
9. Draf Permintaan Asing akan dikeluarkan tanpa berpaling melainkan arahan sebaliknya diberikan oleh Pemohon
10. Apa-apa permohonan yang diterima sebelum had waktu terakhir yang terpakai untuk lokasi geografi destinasi kiriman wang akan diproses pada hari kerja yang sama. Sekiranya Bank menerima permohonan selepas had waktu terakhir yang terpakai yang boleh didapati pada laman web Bank, Bank akan melaksanakan pengiriman wang pada hari kerja yang berikutnya. Pelaksanaan pengiriman wang mungkin mengambil masa yang lebih lama daripada satu hari kerja. Bank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan jika Bank tidak dapat melaksanakan obligasinya kerana apa-apa kegagalan sebarang peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian perindustrian, dan apa-apa perbuatan di luar kawalan Bank atau keadaan di luar jangkaan. Pemohon hendaklah menanggung risiko bagi apa-apa kelewatan dan kerugian yang berkaitan dengan kejadian sedemikian.
11. Pengambilan Draf Permintaan Asing/Cek Jurubank oleh pihak ketiga mesti dibenarkan dengan sewajarnya secara bertulis oleh pemohon/pemegang akaun.
12. Pengesahan transaksi yang dibuat oleh Pemohon hendaklah dibuat pada Borang Permohonan Kiriman Wang ini atau Slip Transaksi berasingan yang akan dihantar kepada Pemohon atas permintaan Pemohon dan apabila transaksi itu berkesan.
13. Terma dan syarat ini adalah tertakluk pada perubahan dari semasa ke semasa oleh Bank dengan memberikan notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu. Notis itu akan disampaikan dengan memaparkan notis di laman web Bank yang menyatakan perubahan tersebut dan tarikh perubahan itu mula berkuat kuasa.
14. Pemohon mengakui dan bersetuju untuk menanggung rugi Bank, atas tuntutan, terhadap apa-apa dan/atau semua kerugian, kos, perbelanjaan, ganti rugi, dakwaan, tuntutan, tindakan dan/atau prosiding, yang mungkin timbul berkaitan dengan Perkhidmatan Kiriman Wang dan/atau apa-apa instrument atau dokumen lain yang dikeluarkan menurut permohonan ini, kecuali setakat mana, berkenaan dengan Bank, kerugian itu diakibatkan oleh penipuan, kecuaiian melampau atau salah laku sengaja oleh pihak Bank.
15. Pemohon hendaklah bertanggungjawab terhadap Cukai Jualan dan Perkhidmatan atau apa-apa cukai yang perlu dibayar yang berkaitan dengan, atau timbul daripada, Perkhidmatan Kiriman Wang dan terma dan syarat ini atau sebarang perkhidmatan yang berkaitan dengannya.

16. Perantara pembayaran Bank dan Bank Benefisiari berhak bertindak mengikut undang-undang, peraturan, arahan dan perintah (setiap satunya, “suatu peraturan”) pelbagai pihak berkuasa kerajaan, separa kerajaan dan kawal selia sendiri yang beroperasi dalam pelbagai bidang kuasa (setiap satunya, “suatu pihak berkuasa”) dan juga dasar dan prosedur masing-masing (setiap satunya, “suatu dasar”) yang diterima pakai oleh Bank, perantara pembayaran dan Bank Benefisiari berkaitan dengan, tanpa batasan: pencegahan pengubahan wang haram; pencegahan pembiayaan keganasan; embargo dan sekatan keselamatan, diplomatik, perdagangan, kewangan, ekonomi dan embargo dan sekatan lain; perintah mahkamah; penyiasatan; cukai; kajian semula dan pemantauan transaksi; dan kehendak pelaporan. Bank, perantara pembayaran dan Bank Benefisiari boleh mengambil apa-apa tindakan yang dianggap wajar olehnya berdasarkan semua peraturan dan dasar tersebut termasuk: (i) pemintasan dan penyiasatan apa-apa mesej pembayaran dan maklumat atau arahan lain yang dihantar kepada atau oleh Pemohon atau bagi pihaknya melalui sistem Bank atau sistem perantara pembayaran; (ii) membuat pertanyaan lanjut kepada Pemohon dan/atau penerima bayaran, Benefisiari dan/atau mana-mana orang lain yang berkaitan atau terlibat dengan transaksi yang relevan dan/atau Perkhidmatan Kiriman Wang dan dilaksanakan melalui Bank; (iii) penolakan, keengganan untuk memberikan, penangguhan dan/atau penahanan Perkhidmatan Kiriman Wang dan dana; (iv) menahan, memotong, mengimpau dan/atau menyerahkan kepada suatu pihak berkuasa, dana Pemohon berkenaan dengan Perkhidmatan Kiriman Wang; (v) melaporkan Perkhidmatan Kiriman Wang, butirannya dan butiran Pemohon kepada satu atau lebih pihak berkuasa; dan (vi) mengambil atau menahan diri daripada mengambil apa-apa tindakan lain. Dalam mengambil mana-mana tindakan sebagaimana yang tersebut di atas, Pemohon bersetuju bahawa Bank, perantara pembayaran dan Bank Benefisiari tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian atau ganti rugi dan Pemohon hendaklah menanggung risiko bagi sebarang kelewatan dan kerugian yang berkaitan dengan apa-apa dan semua tindakan atau penahanan diri daripada tindakan tersebut. Bank, perantara pembayaran dan Bank Benefisiari mungkin tidak boleh mendedahkan alasan, dan tidak mempunyai obligasi untuk mendedahkan alasan, bagi tindakan atau penahanan diri daripada tindakan tersebut dengan segera atau pada bila-bila masa.
17. Pemohon bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan bahawa semua maklumat, dokumen sokongan dan/atau tujuan pembayaran yang berkaitan dengan Perkhidmatan Kiriman Wang yang diberikan kepada Bank adalah terkini, tepat dan lengkap. Pemohon hendaklah memberikan kepada Bank, dengan segera apabila diminta, apa-apa maklumat, dokumen sokongan dan/atau tujuan pembayaran yang berkaitan dengan Perkhidmatan Kiriman Wang. Jika Pemohon gagal memberikannya, atau memberikan maklumat, dokumen sokongan dan/atau tujuan pembayaran yang tidak terkini, tidak betul dan tidak lengkap kepada Bank, Bank mempunyai hak untuk menolak, enggan memberikan, menangguhkan dan/atau menahan transaksi atau dana yang berkaitan dengan permohonan, dan Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pemohon terhadap apa-apa kerugian dan ganti rugi yang dialami atau ditanggung akibat daripada kegagalan tersebut.
18. Pemohon mesti membaca dan memahami Dasar Pertukaran Asing Bank Negara Malaysia (BNM) yang dibuat menurut Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 pada laman web BNM pada pautan <http://www.bnm.gov.my> dan memastikan bahawa semua maklumat yang diberikan oleh Pemohon dan aktiviti yang dijalankan oleh Pemohon dengan menggunakan akaun yang disenggarakan dengan Bank mematuhi Dasar Pertukaran Asing BNM pada setiap masa.
19. Terma dan syarat ini adalah tertakluk pada, dan ditafsirkan mengikut, undang-undang Malaysia dan kaedah, peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan badan pengawalseliaan relevan lain yang padanya Bank adalah tertakluk.
20. Untuk pertanyaan mengenai Perkhidmatan Kiriman Wang, Pemohon boleh melayari laman web Bank pada pautan <https://www.cimb.com.my>. Untuk maklum balas dan/atau aduan yang berkaitan dengan Perkhidmatan Kiriman Wang, Pemohon boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB dengan alamat, nombor telefon dan alamat e-mel berikut (atau dengan alamat, nombor telefon dan alamat e-mel lain yang boleh diubah oleh Bank melalui pemberitahuan kepada Pemohon):



CIMB Bank Berhad / CIMB Islamic Bank Berhad,
Unit Resolusi Pelanggan (CRU),
Peti Surat 10338,
GPO Kuala Lumpur,
50710 Wilayah Persekutuan.
Tel: 603 6204 7788, E-mel: contactus@cimb.com

